



Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11/10/2019	MUKA SURAT	:	1
JABATAN	:	KATS / SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

 Mekanisme itu bagaimanapun hanya akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Kabinet.”

- Kata Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji ketika sesi soal jawab di Dewan R akyat semalam.

Sinar Harian (11/10/2019)
SPAN/BAP

TARIF AIR DIJANGKA NAIK TAHUN DEPAN

Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) Air dijangka dilaksanakan tahun depan membabitkan kenaikan antara 0.06 sen hingga 0.71 sen bagi setiap 1,000 liter



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11/10/2019	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	KATS / SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Harian m/s 8
 gm = KATS / SPAN
 019

Tarif air dijangka naik tahun depan

*Pelaksanaan
tidak akan
bebankan isi rumah
berpendapatan
rendah*

KUALA LUMPUR

Kadar tarif air dijangka naik tahun depan selaras dengan pelaksanaan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) Air.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji berkata, bagaimanapun pelaksanaan tidak akan membebankan isi rumah berpendapatan rendah.

"Mekanisme itu juga hanya akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Kabinet," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Datuk Mansor Othman (PH-PKR**



FOTO: SUMBER INTERNET

Mekanisme Penetapan Tarif Air akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Kabinet.

Nibong Tebal) sama ada langkah kerajaan dalam melaksanakan kadar baru tarif air tidak membebankan rakyat.

Menurutnya, bagi menjamin supaya pelaksanaan TSM tidak membebankan isi rumah berpendapatan rendah, kerajaan akan memastikan kenaikan minimum dilakukan kepada jalur penggunaan antara 0-20 meter padu.

"Ini kerana penggunaan air dalam jalur itu adalah mewakili 47.8 peratus pengguna domestik di Malaysia," katanya.

Purata kadar tarif air pada masa ini adalah rendah iaitu RM1.38 bagi setiap 1,000 liter berbanding kos sebenar iaitu RM2.31 bagi setiap 1,000 liter.

Sebelum ini, Menteri, Dr Xavier Jayakumar berkata,



Mekanisme itu juga hanya akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Kabinet."

-Tengku Zulpuri Shah

kadar baharu tarif air bagi semua negeri kemungkinan diumumkan hujung tahun ini.

Dr Xavier berkata, pihaknya akan memastikan peratusan kenaikan tarif air itu kelak tidak membebankan rakyat.